*JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA*

# LAPORAN LIPUTAN MEDIA

## 11.2.2020

1. Lelaki belasah anjing direman; Harian Metro

OLEH:

**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT DAN ANTARABANGSA**
**BAHAGIAN PERANCANGAN**
**JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

| MEDIA CETAK | | MEDIA ELEKTRONIK | |
|---|---|---|---|
| ☐ BERITA HARIAN | ☐ THE MALAY MAIL | ☐ BERITA HARIAN | ☐ THE MALAY MAIL |
| ☐ UTUSAN MALAYSIA | ☐ THE STAR | ☐ UTUSAN MALAYSIA | ☐ THE STAR |
| ☐ SINAR HARIAN | ☐ KOSMO | ☐ SINAR HARIAN | ☐ KOSMO |
| ☑ HARIAN METRO | ☐ NEW STRAITS TIMES | ☐ HARIAN METRO | ☐ NEW STRAIT TIME |
| ☐ THE SUN | ☐ SUNDAY STAR | ☐ THE SUN | |
| **RUANGAN : Lokal** | **Muka Surat** 4 | **RUANGAN :** | |

| PERKARA | | | |
|---|---|---|---|
| ☐ DASAR JABATAN | ☐ IMPORT EKSPORT | ☐ SISTEM KUALITI | ☐ PELBAGAI |
| ☐ KESIHATAN AWAM | ☐ KAWALAN PENYAKIT | ☐ PENGUATKUASAAN | |
| ☑ KEBAJIKAN HAIWAN | ☐ TEKNOLOGI VETERINAR | ☐ ADUAN | |

**TARIKH**

**11.2.2020**

# Lelaki belasah anjing direman

**Port Dickson:** Sengaja undang bala apabila seorang lelaki direman dua hari selepas membelasah anjing peliharaan.

Tindakan suspek berusia 35 tahun yang memukul anjing menggunakan kayu tular di laman sosial dan Aplikasi WhatsApp sejak dua hari lalu.

Ketua Polis Daerah Port Dickson, Superintendan Aidi Sham Mohamed berkata, polis menerima aduan seorang lelaki berusia 23 tahun berhubung tindakan sekumpulan lelaki membuat kacau dan memukul anjing peliharaannya di Jalan Kota Lukut, semalam.

"Ekoran kejadian itu, satu video berdurasi lima saat, yang dimuatnaik di laman sosial menampakkan susuk tubuh seorang lelaki memukul anjing yang diikat menggunakan kayu.

"Bertindak atas maklumat, jam 10 malam tadi (kelmarin), sepasukan Polis dari Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Port Dickson membuat tangkapan terhadap suspek dan merampas kayu yang sudah pecah dipercayai digunakan untuk memukul haiwan peliharaan itu," katanya, semalam.